

ADAB-ADAB MENZIARAH PERKUBURAN



ADAB - ADAB MENZIARAH PERKUBURAN

1. Memberi Salam kepada ahli kubur.

2. Mengingati akan datangnya kematian seperti sabda Rasulullah S.A.W. :

"Aku pernah meminta izin tuhanku untuk meminta ampun untuknya (Ibu Bapa Nabi) namun aku tidak diizinkan. Aku pernah meminta izin kepada-Nya untuk ziarah kuburnya dan aku diizinkan. Maka ziarahlah kubur kerana sesungguhnya ia mengingatkan kalian kepada kematian. (HR. Muslim)

3. Berada dalam keadaan suci dari sebarang hadas.

4. Memohon keampunan untuk si mati.

5. Menyebut perkara- perkara yang baik dan tidak menyebut keburukan si mati kerana rasulullah telah menegah dengan sabdanya :

" Jangan mencela orang-orang yang sudah meninggal dunia kerana mereka sudah sampai kepada apa yang mereka lakukan." (HR. Bukhari)

6. Tidak memijak kubur kerana rasulullah telah bersabda.

" Nabi melarang dari mengkapur kubur, menulis, membuat binaan dan memijak di atasnya. " (HR. Ahmad)

7. Tidak melakukan solat atau duduk di atas kubur seperti sabda Rasulullah S.A.W :

" Jangan duduk di atas kubur dan jangan solat ke arahnya." (HR Muslim)



ADAB-ADAB MENZIARAHI PERKUBURAN

Terdapat adab-adab yang perlu dilakukan ketika menziarahi kubur. Adab-adab tersebut adalah:

- Eloklah untuk kita bersih dahulu.
- Berwuduk itu lebih afdal ketika nak menziarahi kubur
- . Pakaian pula harus sopan dan menutup aurat.
- Ketika dah sampai di kubur, sunat untuk memberi salam seperti doa di atas.
- Bacakan ayat-ayat Al-Quran dan niatkan untuk hadiahkan pahala itu kepada si mati. Ayat-ayat yang afdal dibaca adalah Surah Al-Fatihah, 3 Qul dan Yasin.
- Berdoa untuk si mati. Sunat untuk mengadap kiblat dan berdoa. Doa apa saja seikhlas hati boleh dan terpuji. Namun, boleh juga rujuk doa di atas.
- Tidak bercakap kosong dan yang tidak berfaedah ketika berada di tanah perkuburan.
- Jangan berbuat perkara yang melebihi-lebih sampaikan agama pun tidak ajar, seperti minta doa/manfaat daripada orang mati (khurafat), mencium-cium kubur, meratap mayat dan seumpama dengannya.